

07/07/1999

DBKL hantar surat pasang alat sembur air

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah menghantar surat rayuan kepada 78 pemilik bangunan di ibu kota supaya memasang alat penyembur air di bangunan masing-masing bagi menangani masalah pencemaran udara, khususnya jerebu.

Ketua pengarahnya, Datuk Noordin Razak, berkata langkah itu perlu bagi membantu mengurangkan masalah pencemaran udara di ibu kota.

Bagaimanapun, katanya, langkah itu hanya membabitkan bangunan melebihi 20 tingkat dan mereka hanya perlu menghidupkan alat penyembur air itu apabila Indeks Pencemar Udara (IPU) mencecah 300.

"Kita sudah menghantar surat rayuan ini pada Februari lalu. Setakat ini, kita menerima sambutan yang menggalakkan walaupun ia bukan satu peraturan yang wajib dipatuhi pada masa ini," katanya ketika ditemui pada Mesyuarat Ketujuh Menteri Alam Sekitar Asean (AMMH), di sini semalam.

Pada masa yang sama, katanya, DBKL dalam proses mengeluarkan tender bagi memasang alat penyembur air di bangunannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini pernah menyarankan semua bangunan di ibu kota memasang alat penyembur air bagi membantu mengurangkan pencemaran udara ketika negara dilanda jerebu teruk pada 1997.

Berikutan itu, Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN) mengarahkan semua bangunan tinggi memasang alat itu.

(END)